1223/1
PENDIDIKAN
ISLAM
NOVEMBER
2002
2 1/2 JAM

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA**
**SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA**
**CAWANGAN TERENGGANU**
***DENGAN KERJASAMA***
**JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2002**

**TINGKATAN EMPAT**

# PENDIDIKAN ISLAM

**Dua jam tiga puluh minit**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

**Arahan**

1. *Kertas soalan ini mengandungi* ***Bahagian A dan Bahagian B.***
2. *Jawab* ***dua*** *soalan daripada* ***Bahagian A*** *dan tiga soalan* ***Bahagian B.***
3. ***Semua*** *jawapan hendaklah ditulis pada kertas jawapan yang disediakan.*

**Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak**

 © 2002 Hak Cipta PKPSM Cawangan Terengganu



skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Bahagian A**
**[40 *markah*]**
*Jawab* **dua** *soalan sahaja*

1. (a) **Tulis semula ayat al-Quran berikut dan letakkan tanda baris dengan sempurna**

Firman Allah S.W.T.

وإذ قال لقمن لابنه، وهو يعظه، يبني لاتشرك بالله ان الشرك
لظلم عظيم ﴿١٣﴾
سورة لقمان

**[4 markah]**

(b) **Nyatakan hukum tajwid bagi kalimah-kalimah yang bergaris di bawah.**

هَلْ يَنظُرُونَ إِلَّآ أَن تَأْتِيَهُمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَوْ يَأْتِيَ رَبُّكَ أَوْ يَأْتِيَ بَعْضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ ۗ
يَوْمَ يَأْتِي بَعْضُ ءَايَٰتِ رَبِّكَ لَا يَنفَعُ نَفْسًا إِيمَٰنُهَا لَمْ تَكُنْ ءَامَنَتْ مِن قَبْلُ أَوْ كَسَبَتْ
فِىٓ إِيمَٰنِهَا خَيْرًا ۗ قُلِ ٱنتَظِرُوٓا۟ إِنَّا مُنتَظِرُونَ ﴿١٥٨﴾
سورة الأنعام

**[4 markah]**

(c) **Kejadian alam adalah bukti kekuasaan Allah.**

(i) **Nyatakan dua contoh kejadian alam cakerawala**

**[2 markah]**

(ii) **Apakah faedah yang akan diperolehi dari kejadian alam cakerawala. ?**

**[4 markah]**

(iii) **Kemukakan tiga hujah yang membuktikan kejadian alam cakerawala dapat meningkatkan keimanan manusia terhadap Allah.**

**[6 markah]**

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

2. (a) Lengkapkan tempat kosong yang bernombor dalam petikan ayat al-Quran di bawah dengan kalimah yang betul berdasarkan al-Quran.

وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ ___1___ يُحَافِظُونَ ﴿٩﴾ ___2___ هُمُ الْوَارِثُونَ ﴿١٠﴾

الَّذِينَ يَرِثُونَ ___3___ هُمْ فِيهَا ___4___ ﴿١١﴾

سُورَةُ المُؤْمِنُونَ

[4 markah]

(b) Potongan ayat berikut tidak disusun mengikut tertibnya seperti dalam al-Quran.
Susun semula potongan ayat tersebut mengikut tertibnya.
Anda dikehendaki menulis nombor ayat sahaja.

(1) وَفِصَالُهُ فِي عَامَيْنِ

(2) حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ

(3) أَنِ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَيَّ الْمَصِيرُ

(4) وَوَصَّيْنَا الْإِنسَانَ بِوَالِدَيْهِ

[4 markah]

(c) Ibadat korban disunatkan dalam Islam.

(i) Apakah maksud korban ?

[2 markah]

(ii) Terangkan dua syarat sah korban.

[4 markah]

(iii) Jelaskan tiga hikmat korban.

[6 markah]

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

3. (a) Tawakkal adalah salah satu daripada sifat orang beriman.

(i) Nyatakan sifat-sifat lain bagi orang yang beriman.

[4 markah]

(ii) Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh pelajar muslim ketika menghadapi kegagalan dalam peperiksaan.?

[4 markah]

(b) Saie merupakan salah satu rukun haji.

(i) Apakah maksud saie ? [2 markah]

(ii) Jelaskan empat syarat sah saie.

[4 markah]

(c) Nyatakan hukum dan alasan bagi situasi berikut :

(i) Sebelum melangsungkan majlis pernikahan , Ahmad telah melakukan sembelihan akikah untuk dirinya sendiri

(ii) Seorang murid tahun satu di Sek. Keb. Mawar telah menyembelih seekor ayam serama tanpa pengetahuan bapanya.

(iii) Abu Muslim telah dicukur rambutnya kerana dijangkiti kudis semasa melakukan ibadat wukuf.

[6 markah]

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

**Bahagian B**
[60 markah]
*Jawab* **tiga** *soalan sahaja*

4. (a) Firman Allah S.W.T.

وَلَا تَبْغِ الْفَسَادَ فِى الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ (٢٠)
(لقمان)

Maksudnya : Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melakukan kerosakan.

(i) Nyatakan dua bentuk kerosakan alam yang sering dilakukan oleh manusia di atas muka bumi. [2 markah]

(ii) Jelaskan dua implikasi daripada amalan di atas [4 markah]

(b) Lembaga Tabung Haji merupakan salah satu institusi yang tersohor di Malaysia.

(i) Terangkan dua tujuan penubuhan Lembaga Tabung Haji. [4 markah]

(ii) Mengapakah umat Islam tidak digalakkan menunaikan ibadat haji melalui agensi-agensi swasta. [4 markah]

(c) Nukman bin Thabit lebih dikenali sebagai Abu Hanifah.

(i) Mengapakah beliau digelar Abu Hanifah ?. [2 markah]

(ii) Terangkan keistimewaan Abu Hanifah. [4 markah]

5. (a) Terangkan amalan-amalan Rukun dan Wajib haji yang mesti dilakukan oleh jemaah haji ketika berada di Mina. [4 markah]

(b) (i) Apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak kerajaan dalam usaha memupuk perpaduan di kalangan pelajar pelbagai kaum di Malaysia. [4 markah]

(ii) Jelaskan sikap yang menghalang perpaduan. [4 markah]

(c) Imam Ahmad b. Hanbal telah meninggalkan jasa yang sangat besar kepada umat Islam khususnya dalam bidang ilmu pengetahuan.

(i) Nyatakan sumbangan beliau kepada umat Islam hingga kini. [4 markah]

(ii) Terangkan proses pendidikan yang dilalui oleh beliau. [4 markah]

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

6. (a) Firman Allah S.W.T.

فَمَن يُرِدِ ٱللَّهُ أَن يَهْدِيَهُۥ يَشْرَحْ صَدْرَهُۥ لِلْإِسْلَٰمِ ۖ وَمَن يُرِدْ أَن يُضِلَّهُۥ يَجْعَلْ
صَدْرَهُۥ ضَيِّقًا حَرَجًا كَأَنَّمَا يَصَّعَّدُ فِى ٱلسَّمَآءِ ۚ كَذَٰلِكَ يَجْعَلُ
ٱللَّهُ ٱلرِّجْسَ عَلَى ٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿١٢٥﴾ سُورَةُ الأَنْعَامِ

Maksud :Sesiapa yang dikehendaki oleh Allah S.W.T akan diberikan petunjuk kepadanya, nescaya Dia melapangkan dadanya untuk (memeluk Islam). Dan barang siapa yang dikehendaki Allah berada dalam kesesatan nescaya Allah jadikan dadanya sesak lagi sempit seolah-olah ia sedang mendaki gunung. Begitulah Allah menurunkan seksa kepada orang tidak beriman

(i) Terangkan dua sebab manusia memerlukan hidayah Allah dalam menjalani kehidupan . [4 markah]

(ii) Jelaskan dua cara untuk mendapatkan hidayah Allah [4 markah]

(b) Sistem muamalat yang diperkenalkan dalam Islam bertujuan untuk kesejahteraan dan keharmonian masyarakat.

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan muamalat dalam Islam ? [2 markah]

(ii) Nyatakan dua contoh sistem muamalat Islam yang diamalkan oleh institusi perbankan Islam di negara kita hari ini. [2 markah]

(iii) Terangkan peranan muamalat dalam mewujudkan keamanan dan keharmonian hidup bermasyarakat. [4 markah]

(c ) Jelaskan sistem sosial yang diamalkan oleh Khulafa' ar-Rasyidin. [4 markah]

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com

7. (a) Tahallul bermaksud keluar dari ihram haji atau umrah.

(i) Jelaskan cara-cara mendapatkan Tahallul Awal [4 markah]

(ii) Terangkan dua hikmat amalan Tahallul. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah s.a.w.

إِنَّ لِرَبِّكَ عَلَيْكَ حَقًّا وَلِنَفْسِكَ عَلَيْكَ حَقًّا
وَلِأَهْلِكَ عَلَيْكَ حَقًّا فَأَعْطِ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ
(رواه بخاري)

Maksudnya : Sesungguhnya bagi Tuhan engkau, menjadi kewajipan kepada engkau dan bagi diri engkau adalah kewajipan kepada engkau dan bagi ahli keluarga engkau menjadi kewajipan kepada engkau. Maka berilah tiap-tiap kewajipan terhadap haknya yang sempurna

Terangkan hak-hak yang perlu dilaksanakan oleh setiap muslim terhadap masyarakat [6 markah]

(c) Apakah kemungkinan yang akan berlaku sekiranya seseorang pemimpin mengabaikan tanggungjawabnya? [6 markah]

8. (a) (i) Terangkan definisi Nafar Awal. [2 markah]

(ii) Jelaskan cara mendapatkan Nafar Awal. [6 markah]

(b) (i) Nyatakan perbezaan antara perkara rukun haji dan perkara wajib haji dari segi pengertian [4 markah]

(ii) Nyatakan dua kesalahan yang dikenakan Dam Tertib Taqdir. [2 markah]

(c) Kejadian angin dan awan membawa rahmat yang tidak terhingga kepada manusia dan makhluk-makhluk Allah S.W.T yang lain di bumi ini.

(i) Terangkan proses kejadian angin menurut perspektif Sains berasaskan al-Quran. [2 markah]

(ii) Terangkan hikmat kejadian angin terhadap kehidupan makhluk-Nya di atas muka bumi [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

skema Jawapan: www.banksoalanspm.com